

# 'Dr. M, Anwar dulu pun UMNO'

UM-12/2/2019 m/s: 8

**SEREMBAN 17 Feb.** - Ketua PKR Cabang Rembau, R. Tanggam menyifatkan kemasukan bekas ahli Parlimen UMNO ke Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) mampu memperkukuhkan lagi Pakatan Harapan (PH).

Beliau melihat tiada sebarang masalah berhubung perkara itu dan yakin Pengerusi PH, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempunyai perancangan dan strategi tersendiri.

Tambahnya, dari dulu sehingga hari ini perkara melompat parti sudah biasa berlaku dan pakatan itu perlu ada kekuatan politik untuk bawa kemajuan serta membe-

la rakyat.

"Tun Dr. Mahathir pun dulu daripada UMNO, (Datuk Seri) Anwar Ibrahim, (Datuk Seri Mohamed) Azmin Ali juga daripada UMNO. Ramai pemimpin sekarang dulu UMNO.

"Saya tak marah UMNO atau Barisan Nasional, sebab parti tak buat salah, sebaliknya pucuk pimpinan yang tak betul. Semua orang ada buat silap, Dr. Mahathir pun pernah buat silap, sekarang beliau betulkan (kesilapan)," katanya di sini hari ini.

Tanggam diminta mengulas keputusan Bersatu yang menerima penyertaan enam bekas ahli Parlimen UMNO ke dalam parti itu baru-baru ini.